



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

5 September 2016

Kenyataan Media YB Dato' Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen.

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen ke 13 memulakan mesyuarat prosiding selama tiga hari bermula hari ini, dengan memanggil Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKAO).
- 2) Prosiding hari ini, membabitkan Program Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3.
- 3) Esok, PAC akan memanggil Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia dalam prosiding membabitkan Program Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs).
- 4) Pada hari Rabu pula, PAC akan mendengar prosiding Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah membabitkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.
- 5) Prosiding hari ini, berkenaan Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli tertumpu kepada Program Pembangunan Sosial membabitkan Sistem Bekalan Air Terawat untuk masyarakat Orang Asli.
- 6) PAC mendengar penjelasan daripada Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Datuk Mohd Arif Bin Ab Rahman dan Ketua Pengarah JAKAO, Mohd Jamaluddin Bin Kasbi berhubung penyediaan Sistem Bekalan Air Terawat untuk masyarakat Orang Asli.

Yang Berhormat Dato' Hasan Arifin
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Parlimen Malaysia